

30/04/1998

Menjelajah negeri untuk promosi Asnita

Patimah Ramli; Hazirah Che Sab

PERGERAKAN Wanita Umno akan memperhebatkan promosi pelaburan Amanah Saham Wanita (Asnita) melalui kempen bersiri selama 21 hari, selepas ia dilancarkan di peringkat kebangsaan, 5 Mei ini.

Ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata kempen itu akan dilancarkan di peringkat negeri selepas pelancaran oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Menurutnya, kempen bersiri itu akan bermula di Pulau Pinang pada 9 Mei ini, diikuti Selangor pada hari berikutnya dan Melaka pada 12 Mei.

Selepas itu, kempen itu akan diteruskan di Terengganu (15 Mei), Sabah (16 Mei), Perak (19 Mei), Kedah (22 Mei) dan Johor (23 Mei).

"Pergerakan Wanita masih menunggu tarikh persetujuan Ketua Menteri dan Menteri Besar bagi negeri-negeri yang tidak disenarai lagi," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman (MOU) antara Habib Jewels Sdn Bhd (Habib Jewels), Bank Simpanan Nasional Berhad (BSN) dan Hijrah Unit Trust Management Berhad (Hijrah).

Majlis itu disertai Pengarah Urusannya, Meer Sadik Habib yang mewakili Habib Jewels manakala Pengurus Besar dan Ketua Eksekutif, Datuk Mohd Kassa Abdul Aziz mewakili BSN dan Pengerusi Eksekutif, Rohani Datuk Mohd Shahir mewakili Hijrah.

Sebagai institusi perbankan yang dilengkapi perkhidmatan komputer talian terus, BSN berfungsi menyelenggara segala urusan jual beli saham oleh pelabur Asnita di 464 cawangannya di seluruh negara.

Habib Jewels pula menyediakan perkhidmatan pembelian semula barangan emas dan berlian secara tunai untuk dilaburkan dalam Asnita. Barangan emas dan berlian itu akan dinilai oleh pakar gemologi mengikut pasaran semasa pada kadar harga yang lebih kompetitif.

Hijrah, kumpulan pakar dan profesional dalam bidang saham bertindak sebagai pengurus dana luar Asnita.

Zaharah berkata, kempen bersiri di peringkat negeri itu turut disertai oleh BSN dan Habib Jewels bagi memudahkan orang ramai memulakan pelaburan dan membuat pelaburan tambahan.

Beliau yakin, selain menguntungkan pelabur, melalui perkongsian bijak itu, organisasi terbabit turut menyediakan pelbagai insentif kepada setiap pelabur Asnita.

"Komitmen Habib Jewels secara tidak langsung memberi peluang kepada kalangan wanita, khususnya yang kekurangan kecairan wang membuat pilihan bijak untuk melabur dalam Asnita bagi meningkatkan tabungan negara pada masa depan," katanya.

Sebelum ini, Zaharah dilaporkan berkata, wanita boleh membuat pelaburan dalam Asnita mulai 4 Mei, iaitu sehari sebelum majlis pelancarannya.

Beliau berkata, Asnita yang diluluskan penubuhannya oleh Suruhanjaya Sekuriti pada 23 April lalu menawarkan 400 juta unit saham pada harga 50 sen seunit.

Menurutnya, setakat ini kerajaan bersetuju sebanyak satu bilion unit saham dengan dana permulaan sebanyak RM500 juta bagi skim amanah saham itu.

Katanya, Asnita tidak terhad kepada wanita, sebaliknya boleh disertai semua yang berumur 18 tahun ke atas termasuk pelabur institusi, dengan pelaburan minimum RM100.

(END)

